

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2025**

**KELONGGARAN SYARAT-SYARAT BAGI TUJUAN MENGGALAKKAN
PERMOHONAN UNTUK PENGUBAHAN TEMPOH PEMILIKAN TANAH DARI
PAJAKAN BERTEMPOH KEPADA PEMILIKAN SELAMA-LAMA BAGI ORANG
MELAYU ANAK KELANTAN**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 26 Tahun 2024 yang bersidang pada 18hb Disember 2024 berkenaan kelonggaran syarat-syarat bagi tujuan menggalakkan permohonan untuk perubahan tempoh pemilikan tanah dari pajakan bertempoh kepada pemilikan selama-lama bagi orang Melayu Anak Kelantan.

2. Kelonggaran syarat-syarat bagi tujuan menggalakkan permohonan untuk perubahan tempoh pemilikan tanah dari pajakan bertempoh kepada pemilikan selama-lama bagi orang Melayu Anak Kelantan yang dinyatakan di dalam Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 9/2023 adalah dikekalkan dengan perubahan-perubahan berikut:-

- 2.1 Orang Melayu Anak Kelantan termasuk yang dilahirkan diluar Kelantan (Anak Kelantan disebabkan bapa dilahirkan di Kelantan) adalah layak memohon;
- 2.2 Tanah pertanian dibenarkan sehingga keluasan 10 ekar (4.047 hektar) bagi satu hakmilik;
- 2.3 Potongan kadar premium diberikan sehingga 50 peratus;
- 2.4 Bayaran premium dibenarkan secara jumlah penuh tanpa had nilai;
- 2.5 Tiada perubahan kepada syarat-syarat nyata dan sekatan kepentingan dari hakmilik asal apabila tanah diserahkan dan diberi milik semula,


iaitu pemilik tanah akan memiliki tanah sebagaimana syarat nyata dan sekatan kepentingan asal tetapi dengan tempoh selama-lama;

2.6 Tiada memasukan Kaveat Pendaftar bagi mana-mana tanah yang diberi tempoh selama-lama melalui kelonggaran ini.

3. Bagi tanah kategori pertanian kadar premium adalah dengan gandaan sekali ganda dari kadar premium untuk lanjutan tempoh di bawah Seksyen 90A Kanun Tanah Negara. Ini kerana kadar premium bagi pelanjutan tempoh di bawah Seksyen 90A tidak berdasarkan jumlah tahun lanjutan. Oleh yang demikian apa-apa kadar yang dikenakan kepada pemohon untuk melanjutkan tempoh pajakan sebagai contoh dari 33 tahun kepada 99 tahun, akan digandakan bagi membolehkan pemohon mendapat tempoh selama-lama (rujukan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan Bilangan 1/2016).

4. Tempoh kelonggaran ini adalah selama 6 bulan dari tarikh Pekeliling ini berkuatkuasa.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, S.P.S.K, P.M.K.(Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan.
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YBM. Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN.

NO FAIL : PTG.KN.1/3/11 ()
BERTARIKH : 04 Mac 2025 / 03 Ramadan 1446

